

Ruj. Kami : PTG/G/001/JLD. 1 (94)

Ruj. Tuan :

Tarikh : 10 Mei 2012

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

Tuan/Puan,

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG  
BIL 2/2012**

**KEPERLUAN AKUAN BERKANUN DAN LAPORAN POLIS BAGI PERMOHONAN  
PENGELUARAN PENDUA HAKMILIK DI BAWAH SEKSYEN 166 KTN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pentadbiran tanah sering menerima permohonan pengeluaran pendua hakmilik di bawah seksyen 166 (1) (d) Kanun Tanah Negara. Buat masa ini, permohonan sedemikian memerlukan laporan polis yang mengesahkan bahawa hakmilik berkenaan hilang atau rosak. Laporan polis tersebut adalah sebagai salah satu dokumen sokongan kepada permohonan tersebut. Laporan polis itu dijadikan sebagai satu keterangan yang menyokong permohonan selaras dengan peruntukan seksyen 166 (3) Kanun yang sama.

3. Namun begitu, berdasarkan Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2011 oleh MAMPU, laporan polis tidak lagi diperlukan sebagai keterangan yang menyokong permohonan pengeluaran pendua hakmilik di bawah seksyen 166 (1) (d) Kanun Tanah Negara.

4. Bagi menyesuaikan dengan kehendak seksyen 166 (3) Kanun yang sama, Pentadbir Tanah dinasihatkan untuk mendapatkan Akuan Berkanun daripada pemohon yang mengesahkan bahawa hakmilik berkenaan telah hilang atau rosak sebagai keterangan yang menyokong permohonan pengeluaran pendua hakmilik. Ketiadaan laporan polis sebagai keterangan sokongan tidak lagi menjejaskan permohonan tersebut kerana Akuan Berkanun telah mencukupi dijadikan keterangan sokongan.

5. Walaupun begitu, Pentadbir Tanah tidak boleh menahan pemohon daripada membuat laporan polis berkenaan perkara tersebut. Sekiranya pemohon mengemukakan laporan polis, maka, permohonannya masih boleh diterima.

6. Perkara ini turut dipanjangkan kepada permohonan salinan pendua sijil perakuan penubuhan perbadanan pengurusan yang melibatkan hakmilik strata. Tiada lagi keperluan kepada perbadanan untuk mengemukakan laporan polis ketika memohon pendua sijil.

7. Bersama-sama ini disertakan senarai semak bagi permohonan pengeluaran pendua hakmilik.

Sekian, terima kasih.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI DAN TELUS”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' HAJJ ARIFIN BIN AWANG)**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Pulau Pinang

*-norliana ismail pendaftaran-*

SENARAI EDARAN:

Pentadbir Tanah,  
Pejabat Daerah Dan Tanah,  
Daerah Seberang Perai Tengah,  
Jalan Betek, Sungai Rambai,  
14000 Bukit Mertajam,  
PULAU PINANG.

Pentadbir Tanah,  
Pejabat Daerah Dan Tanah,  
Daerah Seberang Perai Utara,  
Bertam,  
13200 Kepala Batas,  
PULAU PINANG.

Pentadbir Tanah,  
Pejabat Daerah Dan Tanah,  
Daerah Seberang Perai Selatan,  
14200 Sungai Jawi,  
PULAU PINANG.

